

D511

U B405 DEB
MAHATHIR - KOMODITI
(I)

KUALA LUMPUR, 21 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGINGATKAN RAKYAT MENGENAI PENTINGNYA MENGUBAH KEPADA USAHA YANG MEMBERIKAN HASIL YANG CEPAT ATAU HIDUP MENGIKUT PENDAPATAN MEMANDANGKAN KEJATUHAN HARGA KOMODITI DUNIA.

+APAKAH PILIHAN KITA? SAMA ADA KITA BELAJAR UNTUK HIDUP MENGIKUT KEMAMPUAN KITA ATAU MENYERTAI KUMPULAN YANG MENGEMIS BANTUAN UNTUK MEMBOLEHKAN KITA TERUS HIDUP DENGAN CARA YANG MENJADI KEBIASAAN KEPADA KITA,+ KATA PERDANA MENTERI.

+KITA RAKYAT MALAYSIA MESTILAH MEMPUNYAI MARUAH. KITA MESTI MENGHADAPI KENYATAAN. SECARA SISTEMATIK DAN DENGAN PENUH AZAM, KITA MESTI MENYUSUN LANGKAH UNTUK MENGATASI MASALAH YANG TIMBUL EKORAN KEJATUHAN HARGA KOMODITI,+ KATANYA KETIKA MERASMIKAN SEMINAR KOMODITI KEBANGSAAN DI SINI.

BELIAU MENAMBAH KATA: +KITA TELAH MENJANGKAKAN KEADAAN INI.

+HARUSKAH KITA TERUS MENGELUARKAN APA YANG TIDAK LAGI MENDAPAT PASARAN? SEBANYAK MANA YANG DAPAT KITA DAPAT GUNAKAN SENDIRI?+ -- LAGI.

1627MST 21 04 86

U B406 DEB
MAHATHIR - KOMODITI 2 KUALA LUMPUR

+TIDAK HARUSKAH KITA BERTUKAR KEPADA KEGIATAN KOMERSIL YANG LAIN, CONTOHNYA PEMBUATAN? APAKAH BIDANG PEMBUATAN YANG DAPAT MEMBERIKAN LEBIH BANYAK KELEBIHAN DAYA SAINGNYA? APAKAH KELEBIHAN DAYA SAING YANG KITA ADA+?

BELIAU MENGINGATKAN BAHAWA WALAUPUN DILAKUKAN PERUBAHAN, IA TIDAK AKAN MEMBERIKAN KESAN SEGERA.

+KITA SEDANG MENGGALAKKAN PELANCONGAN TETAPI IA AKAN MEMAKAN MASA BERTAHUN-TAHUN SEBELUM DAPAT MENIKMATI HASILNYA, ITUPUN JIKA BERHASIL.+

SAMA JUGA HALNYA BIDANG PEMBUATAN YANG BARU DICEBURI.

MALAHAN PEMBINAAN RUMAH KOS RENDAH UNTUK MEMBANTU PERTUMBUHAN SEBANYAK DUA PERATUS TIDAK AKAN MENCAPI MATLAMATNYA DENGAN SEGERA.

TETAPI SESUATU YANG SEGERA DIPERLUKAN, KATA PERDANA MENTERI DAN DALAM ASPEK INI BELIAU MEMBERI CONTOH, INDUSTRI KRAFTANGAN YANG MERUPAKAN SALAH SATU KEGIATAN YANG DAPAT DIGALAKKAN DENGAN CEPAT. -- LAGI.

1632MST 21 04 86

R B411
MAHATHIR - KOMODITI 3 KUALA LUMPUR

+KRAFTANGAN BUKAN SAHAJA MENDAPAT PASARAN, TETAPI BIDANG ITU JUGA MENGGUNAKAN BANYAK TENAGA BURUH. DENGAN SEBEGITU RAMAI YANG MENGANGGUR, PENGELUARAN DAN PENGEKSPORTAN KRAFTANGAN MUNGKIN MEMBERIKAN JAWAPANNYA,+ KATA BELIAU.

MASIH BANYAK BARANGAN KRAFTANGAN YANG BELUM DICUBA OLEH RAKYAT MALAYSIA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA JIKA KESEMUA LANGKAH LAIN GAGAL, +KITA PERLU MEMPELAJARI UNTUK HIDUP SAMA ADA DENGAN APA JUA PENDAPATAN YANG KITA PEROLEHI DAN BERBELAJA DENGAN PENDAPATAN INI.+

BELIAU MEMBERIKAN CONTOH RAKYAT JEPUN DAN JERMAN YANG MERUPAKAN GERGASI DALAM EKONOMI DUNIA KINI. MEREKA DAHULU BUKAN SAHAJA TEWAS DALAM PEPERANGAN (PERANG DUNIA KEDUA) TETAPI JUGA BANKRAP DALAM PROSES ITU, TETAPI HARI INI MEREKA LEBIH BAIK DARIPADA YANG MENANG KETIKA ITU KERANA MEREKA MEMBUAT PENGORBANAN.

BELIAU MENGGESA PENGELUAR KOMODITI MENGAMBIL LANGKAH MENGATASI MASALAH MEREKA. -- LAGI.

2057MST 21 04 86

D523

U B413 DEB
MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

+JIKA KITA BERPELUK TUBUH DAN TIDAK BERBUAT APA-APA, JIKA KITA HANYA MENGELUH TENTANG NASIB KITA, ATAU JIKA KITA HANYA MENGGESA KERAJAAN BERBUAT SESUATU, KITA TIDAK AKAN MENCAPAI APA JUAPUN,+ KATANYA.

+KITA HENDAKLAH MEMIKIRKAN APA YANG DAPAT KITA LAKUKAN DAN BUKAN APA YANG ORANG LAIN DAPAT LAKUKAN UNTUK KITA.+

MENGENAI SEMINAR ITU, BELIAU BERKATA IA TIDAK HARUS DIANGGAP SEBAGAI SATU FORUM YANG PENUH DENGAN PEMIKIRAN YANG KABUR DAN SALING SALAH-MENYALAH.

+PARA PESERTA MESTI MENGEMUKAKAN CARA DAN PENDEKATAN YANG PRAKTIKAL UNTUK MENGATASI MASALAH YANG KITA HADAPI. KEMUDIAN KITA MAHU MELAKSANAKANNYA.+

KIRA-KIRA 400 PEGAWAI DAN PENGELUAR KOMODITI MENGHADIRI SEMINAR EMPAT HARI ITU. -- BERNAMA.

1950MST 21 04 86